

PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN
STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN
ENSEMBEL MUZIK *MONGIGOL - SUMUNDAI*
UNTUK MATA PELAJARAN MUZIK TINGKATAN
SATU HINGGA TIGA

CHONNEL B. GEORGE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021


PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN STANDARD KURIKULUM DAN
PENTAKSIRAN ENSEMBEL MUZIK *MONGIGOL - SUMUNDAI*
UNTUK MATA PELAJARAN MUZIK TINGKATAN
SATU HINGGA TIGA

CHONNEL B. GEORGE

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِ اِبْدِيْكَانِ اِيْدْرِيسْ
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITYSila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12.....(hari bulan).....10..... (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, CHONNEL B. GEORGE, M20182002340, FAKULTI MUZIK DAN SEMI PERSEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIAN ENSEMBEL MUZIK MONAROL-SUMUNDAL UNTUK MATA PELAJARAN MUZIK TINGKATAN SATU HINGGA TIGA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, MOHD HASSAN BIN ABDULLAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIAN ENSEMBEL MUZIK MONAROL-SUMUNDAL UNTUK MATA PELAJARAN MUZIK TINGKATAN SATU HINGGA TIGA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

12/10/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: **PEMBANGUNAN DAN PENGESAHAN STANDARD KURIKULUM
DAN PENTAKSIRAN ENSEMBEL MUZIK MONGOL-SUMUNDAI
UNTUK MATA PELAJARAN MUZIK TINGKATAN SATU HIN46A 719A**

No. Matrik / Matric's No.: **M20192002340**

Saya / I: **CHONNEL B. GEORGE**

(Name pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**


Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: **29/10/2021**


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
(Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Mohd Hassan Abdullah
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi/badan berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi pujian hormat dan ucapan syukur kepada *Jesus Christ* atas segala kekuatan dan ketabahan serta anugerah kesihatan yang dikurniakan sepanjang perjalanan pengkaji dalam menjalankan dan menyiapkan kajian ini, sehingga dapat dibukukan dan dijelmakan dalam bentuk penulisan sebagai rujukan di masa akan datang.

Pertama sekali, pengkaji menzahirkan kalimah penghargaan ini khususnya kepada ibu yang dikasihi iaitu Noruli binti Amambing dan mendiang bapa iaitu George bin Sondili kerana sentiasa menyokong dan memberikan respon positif terhadap hasrat pengkaji sepanjang melanjutkan pengajian.

Kedua, pengkaji ingin menzahirkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia utama iaitu Profesor Dr. Mohd Hassan bin Abdullah atas segala jasa, tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan sepanjang proses menimba ilmu untuk bergelar sebagai sarjana.

Ketiga, ucapan jutaan terima kasih kepada informan-informan dan pemuzik-pemuzik ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* yang terlibat sepanjang proses pengumpulan data kajian ini dijalankan.

Keempat, jutaan terima kasih kepada Encik Mongintal Jimah, Encik Totong Gamis dan Encik Jainal Amambing atas bantuan sepanjang pengkaji berada di lokasi kajian.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak atas jasa yang dicurahkan baik secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang merealisasikan kajian ini.

Terima kasih dan *Kounsapatan*.





ABSTRAK

Pada masa ini, belum wujud satu standard kurikulum dan pentaksiran bagi tujuan pengajaran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* di sekolah, khususnya bagi menengah rendah di Malaysia. Selaras dengan frasa yang termaktub pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru boleh menentukan mana-mana ensembel muzik yang bersesuaian dengan kepakaran masing-masing serta mengambil kira persekitaran pelajar dan sekolah. Atas dasar itu, kajian ini dijalankan bagi membangunkan standard kurikulum dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga, sebagai panduan kepada guru bagi tujuan pengajaran di dalam bilik darjah. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang melibatkan kaedah analisis dokumen, pemerhatian lapangan dan temu bual. Terdapat tiga fasa dalam kajian ini iaitu fasa analisis keperluan, fasa pembangunan dan fasa pengesahan. Kajian ini telah menghasilkan enam tema utama iaitu sejarah dan perkembangan, peralatan muzik, teknik dan skil permainan, repertoir, pewarisan dan pembelajaran dan penilaian. Semua tema ini telah dimanifestasikan dan diorganisasikan menjadi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi bagi ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu, dua dan tiga. Hasil kajian ini akan membantu para guru bagi tujuan pengajaran di sekolah. Selain itu, hasil kajian ini juga akan membantu pihak Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum (BPPK) untuk membangunkan kurikulum yang berkaitan. Dengan cara ini, diharapkan kajian ini dapat melahirkan satu anjakan paradigma dalam memastikan kelestarian ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* agar dimartabatkan.



DEVELOPMENT AND VALIDATION OF THE CURRICULUM AND ASSESSMENT STANDARD FOR *MONGIGOL-SUMUNDAI* MUSIC ENSEMBLE IN MUSIC SUBJECT FOR FORM ONE TO FORM THREE

ABSTRACT

Recently, there is no one standard curriculum and assessment to teach the *Mongigol-Sumundai music* ensemble in school, especially in the lower secondary education (form one, form two and form three) in Malaysia. Per the phrases enshrined on the Music Education Standards Document for Curriculum and Assessment (DSKP), Ministry of Education Malaysia (MOE), teachers can ascertain any music ensemble that corresponds to their respective expertise and take into account the student and school environment. On that basis, this research was conducted to develop the curriculum standard and assessment of the *Mongigol-Sumundai* music ensemble for form one to form three music subjects to guide teachers for teaching purposes in the classroom. This qualitative research adopted the Design and Development Research (DDR), which involved document analysis, field observations and interviews. There were three phases in this research—first, needs analysis; second, the phase of development and third, the validation from the experts. This research has produced six main themes: history and development, musical instruments, skills and playing technique, repertoire, learning and inheritance, and evaluation. All these themes have been organised and manifested into the content standards, learning standards and achievement standards of the *Mongigol-Sumundai* music ensemble for form one, form two and form three music subjects. The results of this research will help teachers to teach *Mongigol-Sumundai* music ensembles at schools. Besides, this research will also help the Division of Development and Curriculum Development (BPPK) develop curriculum-related. In this way, this research will hopefully be able to invent a paradigm shift in ensuring the sustainability of the *Mongigol-Sumundai* music ensemble to be upheld.



KANDUNGAN

PERAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.3.1 Objektif Umum	6
1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kerangka Konseptual	8
1.6 Definisi Operasional	12
1.7 Skop Kajian	13
1.8 Kepentingan Kajian	14
1.9 Rumusan	15



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

BAB 2 KAJIAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	16
2.2 Pendidikan di Malaysia (Sekolah Menengah)	17
2.2.1 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	17
2.2.2 Kurikulum Standard Sekolah Menengah	18
2.3 Model Pembangunan Kurikulum	19
2.3.1 Model Tyler	20
2.3.2 Model Taba	22
2.3.3 Model Saylor, Alexander dan Lewis (Model Pentadbiran)	24
2.3.4 Model Hunkins	26
2.3.5 Model Pembangunan yang dipilih (Model Taba, 1962)	29
2.4 Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Bukan Barat	32
2.5 Bidang Ensembel Muzik	35
2.6 Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	36
2.6.1 Suku Kaum Rungus	36
2.6.2 Alat Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	37
2.6.3 Asas Bermain	38
2.6.4 Fungsi	38
2.6.5 Adat	39
2.7 Standard Kurikulum	40
2.7.1 Pengertian tentang Kurikulum	41
2.7.2 Perancangan Kurikulum	41
2.7.3 Standard Kandungan dalam Kurikulum	42
2.8 Standard Pentaksiran	43
2.8.1 Pengertian tentang Pentaksiran	43
2.8.2 Perancangan Pentaksiran	44



2.8.3	Ciri Pentaksiran	48
2.9	Sorotan Tinjauan Kajian Berkaitan)	49
2.9.1	Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Tempatan	50
2.9.2	Pelestarian Pewarisan Muzik Tradisi (Luar Negara)	53
2.10	Rumusan	56
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		57
3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Kaedah Memungut Data	61
3.3.1	Analisis Dokumen	62
3.3.2	Pemerhatian	63
3.3.3	Temu bual	66
3.4	Informan	68
3.5	Pengesahan Pakar (Expert Validation)	68
3.5.1	Pakar Kurikulum	68
3.5.2	Pakar Kandungan	69
3.6	Lokasi Kajian	70
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.8	Kaedah Menganalisis Data	75
3.8.1	Fasa Pertama (Analisis Keperluan)	75
3.8.2	Fasa Kedua (Pembangunan)	78
3.8.3	Fasa Ketiga (Pengesahan)	79
3.9	Etika Kajian	80
3.10	Rumusan	83
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		84
4.1	Pengenalan	84

4.2	Soalan Kajian Satu	85
4.2.1	Analisis Dokumen	86
4.2.1.1	Dokumen Bercetak	86
4.2.1.2	Diskografi	88
4.2.1.3	Rumusan Analisis Dokumen	89
4.2.2	Pemerhatian	92
4.2.2.1	Bukan Peserta	92
4.2.2.2	Sebagai Peserta	94
4.2.2.2	Rumusan Dapatan Pemerhatian	95
4.2.3	Temu bual	98
4.2.3.1	Terbuka	98
4.2.3.2	Berstruktur	136
4.2.3.3	Rumusan Dapatan Temu bual	147
4.2.4	Kandungan Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	151
4.3	Soalan Kajian Dua	158
4.3.1	Standard Kurikulum Ensembel Muzik <i>Mongigol- Sumundai</i> untuk Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Satu, Dua dan Tiga	158
4.3.2	Standard Pentaksiran Ensembel Muzik <i>Mongigol- Sumundai</i> untuk Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Satu, Dua dan Tiga	159
4.4	Soalan Kajian Tiga	173
4.4.1	Pakar Penilai	174
4.5	Rumusan	190

BAB 5 KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 191

5.1	Pengenalan	191
5.2	Perbincangan	192

5.2.1	Persoalan Kajian Satu	192
5.2.2	Persoalan Kajian Dua	193
5.3.3	Persoalan Kajian Tiga	194
5.3	Kesimpulan	195
5.4	Cadangan	198
5.4.1	Cadangan Pelaksanaan Hasil Kajian	198
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjut	200
5.5	Penutup	202
RUJUKAN		203
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.2 Cadangan Ensembel Muzik	4
2.7.2 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik (mengetahui dan memahami)	46
2.7.3 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik (membina kemahiran)	46
2.7.4 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik (berfikir secara kreatif)	47
2.7.5 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik (memberi respon terhadap karya muzik)	47
2.7.6 Pernyataan Umum Tahap Penguasaan Pendidikan Muzik (mengamalkan nilai murni dalam aktiviti muzik)	48
3.7 Komponen Soalan Temu Bual Berbentuk Terbuka	74
3.8 Kaedah Menganalisis Data	75
3.9 Etika-etika Penyelidikan	81
4.2.1.1 Ukuran Dimensi Salah Satu Set Gong dalam Ensemble Rungus di Kudat, Sabah	87
4.2.1.2 Akses Tarikh Diskografi	89
4.2.1.3 Rumusan Dapatan Analisis Dokumen	90
4.2.2.3 Kesimpulan Dapatan Pemerhatian	95
4.2.3.1 Fungsi dan Peranan Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	103
4.2.3.2 Ukuran Menggunakan Jari Jengkal Menurut Totong (2019)	117
4.2.3.3 Ukuran Alat Muzik dan Pemukul Alat Muzik Berdasarkan Mongintal (2019)	118
4.2.3.4 Ukuran dimensi salah satu set gong dalam ensemble Rungus di Kudat, Sabah.	118



4.2.3.5	Rumusan Dapatan Temu bual	147
4.2.4	Kandungan Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	151
4.3.2.1	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Harian	161
4.3.2.2	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Harian	165
4.3.2.3	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Harian	169
4.4.1	Maklum balas dan Pengesahan Pakar Penilai bagi Standard Kandungan	174
4.4.2	Maklum balas dan Pengesahan Pakar Penilai bagi Standard Pembelajaran	175
4.4.3	Maklum balas dan Pengesahan Pakar Penilai bagi Standard Prestasi	176
4.4.4	Maklum balas dan Pengesahan Pakar Penilai bagi Catatan	177
4.4.1.1	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Satu di Sekolah Menengah Harian	178
4.4.1.2	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Harian	182
4.4.1.3	Standard Kandungan dan Pentaksiran kepada Pengajaran Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> bagi Mata Pelajaran Muzik Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Harian	186



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Bidang - bidang dalam DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu	3
1.5	Kerangka Konseptual	8
2.3.1	Model Pembangunan Kurikulum Tyler	21
2.3.2	Model Pembangunan Kurikulum Taba	23
2.3.3	Model Pembangunan Kurikulum Saylor, Alexander dan Lewis	25
2.3.4	Model Pembangunan Kurikulum Hunkins	28
2.3.5	Model Pembangunan Kurikulum (Model yang dipilih)	30
2.5	Agihan Kandungan Kurikulum Pendidikan Muzik Tingkatan Satu	36
2.7	Asas Perancangan Kurikulum	42
2.7.3	Ciri Pentaksiran Yang Baik	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.6	Kedudukan daerah Kudat di Peta Negeri Sabah.	70
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	71
4.2.2.1(a)	Pemuzik Ensembel <i>Mongigol-Sumundai</i>	93
4.2.2.1 (b)	Para Penari Tarian <i>Mongigol-Sumundai</i>	93
4.2.2.2	Corak Irama Gong Soludon om Pompo	94
4.2.3.1(a)	Gong <i>Koritikon</i> dan Pemukul Gong	108
4.2.3.1(b)	Notasi Muzik Gong <i>Koritikon</i>	109
4.2.3.1(c)	Gong <i>Sandangau</i> dan Pemukul Gong	109
4.2.3.1(d)	Notasi Muzik Gong <i>Sandangau</i>	110



4.2.3.1(e)	Gong <i>Soludon</i> dan <i>Pompo</i>	111
4.2.3.1(f)	Notasi Muzik gong <i>Soludon om pompo</i>	112
4.2.3.1(g)	Gendang Tradisi Rungus yang dipanggil <i>Tontog</i>	112
4.2.3.1(h)	Tiga Gong <i>Tavag</i> yang diikat Bersama	113
4.2.3.1(i)	Susunan Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i> Semasa Dalam Persembahan.	115
4.2.3.1(j)	Pemukul Ensembel Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	119
4.2.3.1(k)	Hieraki Tahap Kesukaran Mempelajari Alat Muzik <i>Mongigol-Sumundai</i>	124
4.2.3.1(l)	Notasi Muzik <i>Koritikon</i>	127
4.2.3.1(m)	Notasi Muzik <i>Sandangau</i>	128
4.2.3.1(n)	Notasi Muzik <i>Soludon om Pompo</i>	128
4.2.3.1(o)	Notasi Muzik <i>Tontog</i>	129
4.2.3.1(p)	Notasi Muzik <i>Tavag (Mongolimbambang)</i>	129
4.2.3.1(q)	Notasi Muzik <i>Tavag (Mangandu-Andu)</i>	130
4.2.3.1(r)	Notasi Muzik <i>Tavag (Mitundung)</i>	130
4.3.2	Hieraki Aras Berfikir	159

SENARAI SINGKATAN

DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

FPK Falsafah Pendidikan Kebangsaan

IPS Institut Pengajian Siswazah

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KSSM Kurikulum Standard Sekolah Menengah

KSSR Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KBSR Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah

KBSM Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

PdPc Pengajaran dan Pemudahcaraan

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris

SK Standard Kandungan

SP Standard Pentaksiran

SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar Membuat Penyelidikan
- B Protokol Analisis Kandungan
- C Protokol Pemerhatian Lapangan
- D Protokol Temu Bual Terbuka
- E Protokol Temu Bual Berstruktur
- F Pelawaan dan Persetujuan Menjadi Informan
- G Transkripsi Temu Bual Terbuka (Mongintal)
- H Transkripsi Temu Bual Terbuka (Totong)
- I Transkripsi Temu Bual Berstruktur (Mongintal)
- J Transkripsi Temu Bual Berstruktur (Totong)
- K Pelantikan Pakar Penilai (Pakar 1)
- L Pelantikan Pakar Penilai (Pakar 2)
- M Pelantikan Pakar Penilai (Pakar 3)
- N Borang Pengesahan Pakar Penilai (Selepas Penambahbaikan)
- O Borang Pengesahan Pakar Penilai (Sebelum Penambahbaikan)

BAB 1

PENGENALAN

Kajian ini pada dasarnya dijalankan bertujuan untuk membangun dan mengesahkan standard kurikulum dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol - Sumundai* untuk bidang ensembel muzik pelajar tingkatan satu hingga tiga bagi subjek pendidikan muzik. Pengkaji menggunakan kaedah pungutan data berbentuk kualitatif. Oleh sebab itu, kerja - kerja seperti penganalisan dokumen, pemerhatian dan temu bual digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.

Kajian yang dijalankan ini akan menyumbang kepada penambahan cadangan ensembel bagi bidang ensembel muzik seperti dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, Dua dan Tiga. Seperti yang kita sedia maklum, pendidikan muzik merupakan mata pelajaran elektif di sekolah menengah yang tertentu di Malaysia. Hal ini disebabkan tidak semua sekolah



menengah di Malaysia mempunyai subjek muzik sebagai mata pelajaran elektif. Kurikulum Standard Sekolah Menengah bagi Pendidikan Muzik untuk menengah rendah merupakan suatu jangka masa pembelajaran yang melibatkan pelajar tingkatan satu, dua dan tiga sahaja. Secara ringkasnya, Kurikulum Pendidikan Muzik merupakan suatu pembelajaran yang dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bagi menengah rendah.

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu (2015), pelaksanaan ini dilakukan bagi mencapai objek seperti berikut;

- i. Menyanyikan lagu dengan dinamik dan pic yang betul mengikut tempo
- ii. Menyanyikan lagu dengan teknik yang betul
- iii. Menyanyikan lagu secara unison
- iv. Memainkan muzik secara ensembel dengan pic dan irama yang betul
- v. Memainkan muzik ensembel dengan teknik yang betul
- vi. Mencipta corak irama berdasarkan meter 4/4
- vii. Memberi ulasan tentang muzik Malaysia
- viii. Menama dan menulis jenis not dan tanda rehatnya, meter, not sehingga 1 garisan lejer, skel dan kord pada baluk dalam klef treble serta terminologi muzik dengan betul, dan;
- ix. Mengamalkan etika persembahan dan nilai murni dalam aktiviti muzik.

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu (2015) dihasilkan berdasarkan enam tunjang utama yang meliputi komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. Terdapat lima bidang utama dalam DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu.





Rajah 1.1. Bidang - bidang dalam DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu

1.2 Permasalahan Kajian

Ensembel Muzik merupakan satu di antara lima bidang yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu 2015, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Dua 2016 dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Tiga 2017. Perkara yang digariskan ini memerlukan komitmen, disiplin, kerjasama dan kesungguhan dalam memandu ke arah penghasilan muzik yang baik.

Bidang Ensembel Muzik memberi fokus penguasaan kemahiran bermain alat muzik secara ensembel. Menerusi kurikulum ini, murid berpeluang untuk memainkan pelbagai genre lagu dengan mengaplikasikan pengetahuan membaca dan menulis notasi muzik yang telah dipelajari.

(DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, 2015)



Keperluan untuk membangunkan satu standard kurikulum dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol - Sumundai* perlu diwujudkan secara formal di Sekolah Menengah khususnya di daerah Kudat. Perkara ini adalah sangat penting untuk memartabatkan ensembel muzik ini agar tidak pupus ditelan arus pemodenan. Jika ditelusuri pada lembaran DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, Dua dan Tiga, ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* jelas tidak dicatatkan dalam bahagian cadangan ensembel muzik seperti yang tertera pada jadual 1.2. Antara jenis muzik ensembel yang dicadangkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, (2015) adalah seperti jadual berikut;

Jadual 1.2

Cadangan Ensembel Muzik

ENSEMBEL MUZIK		
Angklung	Sape	Kulintangan
Cak Lempong	Sompoton	Muzik Asli
Dikir Barat	Gamelan Muzik	Klasik India
Dikir Rebana	Gendang Silat Muzik	Wayang Kulit
Dondang Sayang	Gendang 24 musim	Orkestra Cina
Kibod	Ghazal	Orkestra Barat
Gitar	Hadrah	Rebana Ubi
Ensembel Buluh	Keroncong	Tumbuk Kalang
Ensembel Gong	Kombo	
Ensembel Gong Besar	Kompang	

Sumber. DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, (2015)





Disebabkan ensembel muzik *Mongigol - Sumundai* tidak dilihat hadir pada cadangan ensembel muzik seperti yang disebutkan, maka keperluan bagi membangunkan satu dokumen formal dan berstruktur perlu diwujudkan sebagai rujukan di masa akan datang, di samping dapat melestarikan ensembel ini agar kekal relevan dari generasi ke generasi. Atas dasar itu, pembangunan standard kurikulum bagi ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* adalah cukup signifikan sebagai panduan pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah yang dikemudikan oleh guru. Ketiadaan panduan pengajaran ini secara tidak langsung akan menyukarkan para guru muzik untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam mempelajari ensembel ini. Namun begitu, ensembel *Mongigol - Sumundai* ini boleh diajar kepada pelajar di sekolah mengikut kesesuaian persekitaran pelajar seperti mana yang dinyatakan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, (2015) iaitu “Guru boleh memilih mana-mana ensembel muzik yang sesuai berdasarkan kepakaran mereka serta persekitaran murid dan sekolah.”

Justeru itu, suatu bentuk kurikulum dan pentaksiran bagi ensembel muzik *Mongigol - Sumundai* harus dibangunkan agar ensembel muzik ini dikenali oleh generasi Z khususnya di daerah Kudat yang mana secara majoritinya didiami oleh suku kaum Rungus. Dengan cara ini, ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* dapat dilestarikan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, (2015) menyatakan bahawa “Bidang Apresiasi Muzik memberi fokus kepada aktiviti mendengar secara aktif muzik daripada pelbagai budaya...” (ms.6).

Oleh sebab itu, melalui ensembel muzik ini diharapkan agar muzik tradisi dan kebudayaan suku kaum Rungus dapat diperkenalkan dan dimartabatkan agar tidak pupus ditelan arus pemodenan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, (2015) menegaskan bahawa “Menerusi bidang ini



ini murid diberi peluang untuk menghargai, menilai dan memberi ulasan secara kritis setiap genre muzik yang didengar atau ditonton. Setiap ulasan mereka adalah berkaitan elemen muzik, alat-alat muzik serta sejarah dan budaya sesuatu genre muzik tersebut...” (ms.6). Hal ini turut disokong melalui Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 menyatakan bahawa “Pemulihan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas - asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usaha sama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya”.

1.3 Objektif Kajian

Pada dasarnya, objektif kajian ini mempunyai dua bahagian iaitu objektif umum dan

objektif khusus.

1.3.1 Objektif Umum

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk membangun dan mengesahkan standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga.

1.3.2 Objektif Khusus

Secara amnya, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut;

1. Menentukan standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol* - *Sumundai* yang sesuai untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga.
2. Membangunkan standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol* - *Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga.
3. Mengesahkan standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol* - *Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga.


1.4 Persoalan Kajian

Berikut merupakan soalan kajian yang ingin dipersoalkan. Antara persoalan tersebut adalah:

1. Apakah kandungan yang diperlukan untuk membangunkan standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga?
2. Bagaimanakah standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol* - *Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga diorganisasikan berdasarkan kepada kandungan yang telah dikenalpasti?
3. Adakah standard kandungan dan pentaksiran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik tingkatan satu hingga tiga sah?

1.5 Kerangka Konseptual

Kajian ini menggunakan kerangka konseptual yang menggabungkan daripada Model Pembangunan Kurikulum, Taba (1962) dan kaedah pengajaran dan pembelajaran muzik bukan barat. Kerangka konseptual adalah seperti rajah di bawah;



Rajah 1.5. Kerangka Konseptual

Model Pembangunan Kurikulum Taba (1962) mempunyai tujuh pendekatan utama bagi menghasilkan sebuah kurikulum. Langkah yang pertama adalah proses mendiagnosis. Taba menjelaskan bahawa pereka kurikulum (guru) harus mengenal pasti keperluan pelajar dalam merancang kurikulum. (Azizi Jaafar, 2019). Hal ini



bermaksud, pengkaji harus mengenal pasti keperluan-keperluan yang diperlukan dalam konteks mempelajari ensembel muzik *Mongigol-Sumundai*. Langkah kedua menjelaskan tentang merumus objektif. Aydın, B. et. al. (2017) menjelaskan bahawa perihal menentukan perkara yang pelajar akan lakukan dalam kehidupan mereka adalah penting bagi mencapai objektif yang ingin dicapai.

Aydın, B. et. al. (2017) menjelaskan pada langkah ketiga bahawa proses pemilihan kandungan, kandungan yang dirancang harus lebih realistik, mempunyai makna serta boleh dicapai dengan butiran dan objektif yang lebih sedikit. Seterusnya, Azizi Jaafar (2019) menjelaskan bahawa proses pembinaan kandungan harus menitikberatkan tentang tahap kematangan pelajar, pencapaian akademik. Dalam konteks ini, pengkaji mendapatkan saranan dan cadangan daripada informan-informan dan pakar-pakar kurikulum yang dipilih berkenaan dengan pemeringkatan bagi menentukan kesesuaian pengajaran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* mengikut tingkatan satu, dua dan tiga. Hal ini disebabkan pengkaji tidak akan mencuba (*test out*) Standard Kurikulum dan Pentaksiran ini di sekolah memandangkan hanya menjadi dokumen rujukan kepada guru semata-mata bagi tujuan pengajaran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* sahaja.

Merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran muzik bukan barat, dalam konteks pemilihan pengalaman pembelajaran akan menitikberatkan tentang pembelajaran secara *attentive listening* (pendengaran fokus dan tumpuan), *engaged listening* (pendengaran aktif) dan *enactive listening* (pendengaran enaktif). Merujuk kepada Campbell (2016) menjelaskan pembelajaran *attentive listening* bertujuan untuk memberikan pelajar panduan kepada gambaran besar (*big picture*) yang berkaitan dengan konsep muzik seperti timber (alat muzik, suara dan nuansa), tekstur dan melodik dan komponen berirama dalam muzik.





Perkara ini memerlukan pelajar untuk mendengar sambil mengikuti pergerakan bunyi yang didengar, dengan berpandukan pada graf yang melakar bunyi. Kaedah ini juga adalah kemahiran mendengar sambil membaca notasi yang berbentuk ikonik atau simbol (Campbell, 2016). Selain itu, kaedah ini juga menggunakan konsep siapa yang membuat persembahan muzik, bila, di mana, mengapa dan bagaimana bunyi tersebut (*who, when, where, why and how*) (Campbell, 2016). Seperti yang dinyatakan pada rajah 2.10, aktiviti pembelajaran yang boleh dilakukan pada bahagian adalah “Teka dengan betul”. Aktiviti ini melibatkan penggunaan multimedia di mana muzik akan dimainkan dan pelajar harus meneka berapakah jenis bunyi yang didengar, yang manakah bunyi yang kuat dan perlahan dan berapakah frasa pada muzik tersebut.

Campbell (2016) menjelaskan bahawa *engaged listening* (pendengaran aktif) merupakan kemahiran mendengar secara aktif semasa mendengar bunyi (muzik).

Engaged listening adalah suatu proses penglibatan dalam persembahan (persembahan berkaitan muzik) yang memerlukan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam penghasilan muzik sementara muzik dimainkan secara langsung (*live*) atau muzik yang sudah dirakam (Campbell, 2016). Hal ini menjelaskan bahawa apabila pelajar mendengar muzik, mereka akan memberikan penglibatan (tindak balas) secara *natural* (tidak dibuat-buat). Tindak balas yang dimaksudkan adalah dari segi pergerakan yang boleh dirasa sampai ke nadi, *humming* melodi, menambah harmoni (suara), memainkan corak irama yang berulang-ulang dan memainkan frasa melodik (Campbell, 2016). Aktiviti pembelajaran yang boleh dilakukan pada bahagian ini adalah “Tepuk, *humming* atau nyanyi”. Melalui aktiviti ini, pelajar akan menepuk corak irama yang dimainkan oleh guru melalui muzik yang dimainkan. Pelajar juga boleh memilih sama ada memilih untuk menepuk, *humming* atau menyanyikan corak irama tersebut.





Enactive listening (pendengaran enaktif) pula mentitikberatkan tentang pembelajaran melalui persembahan. Campbell (2016) menjelaskan *enactive listening* merupakan pembelajaran secara tradisi oral (lisan) dan aural (dengar) yang cukup signifikan bagi pelbagai budaya untuk proses pembelajaran muzik dengan tujuan dapat melakukan persembahan pada akhir proses. Selain itu, ianya juga merupakan pembelajaran aural melalui pemilihan muzik atau lagu, dengan matlamat dapat membuat persembahan melalui transmisi secara oral. Kemudian, Campbell (2016) menjelaskan bahawa fasa ini memerlukan komitmen yang berterusan bagi menggandakan pengalaman pendengaran tertumpu dan melibatkan pemerhatian serta mengimitasi model (persembahan) baik secara langsung mahupun yang dirakam. Aktiviti pembelajaran yang akan dilakukan adalah “Dengar, tiru dan buat”. Aktiviti ini memerlukan tumpuan sepenuhnya oleh pelajar supaya mendengar bunyi (muzik) dengan sebaik mungkin. Setelah pelajar mendengar bunyi (muzik) tersebut, mereka harus meniru bunyi yang didengar, simpan dalam ingatan, kemudiannya mempersembahkan (buat) bergantung kepada frasa bunyi (muzik) yang mereka ingat. Campbell (2016) menjelaskan bahawa persembahan harus dilakukan bersama rakaman (muzik), dan mengimitasi segmen ringkas pada rakaman (muzik). Secara ringkasnya, fasa ini menekankan agar pelajar dapat melakukan persembahan setanding dengan rakaman yang mereka lihat dan dengar.

Langkah yang ketujuh iaitu proses menilai dan kaedah menilai. Aydın, B. et. al. (2017) menjelaskan bahawa pada peringkat ini, guru berperanan untuk mengenal pasti sama ada tujuan dan objektif pembelajaran tersebut berjaya dicapai atau tidak. Penilaian secara berterusan harus dilakukan dalam kaedah yang berbeza bagi mendapatkan pelbagai maklum balas yang berkaitan dengan tahap kemajuan pelajar (Aydın, B. et. al., 2017).



1.6 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional yang harus dijelaskan pada bahagian ini seperti berikut;

1.6.1 *Mongigol-Sumundai*

Mongigol-Sumundai adalah tarian suku kaum Rungus yang menetap di beberapa buah daerah di negeri Sabah iaitu Kudat, Matunggong, Kota Marudu, dan Pitas, termasuk pulau Banggi dan sebahagian Sandakan (Raymond Majumah, 2015). Tarian ini biasanya dipersembahkan pada Pesta Menuai yang disebut *Tadau Kaamatan*, kenduri perkahwinan dan acara-acara kebudayaan. Namun begitu, fokus kajian adalah tertumpu kepada aspek muzik yang mengiringi tarian ini yang disebut ensembel muzik *Mongigol-Sumundai*.

1.6.2 Standard Kandungan

Standard Kandungan merupakan suatu pernyataan yang dibuat secara terperinci berkenaan dengan perkara-perkara yang perlu diketahui oleh pelajar, yang mana meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai, pada suatu jangka masa di sekolah. (DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu, 2015)



1.6.3 Standard Pentaksiran

Standard pentaksiran digunakan untuk mengukur dan menilai tahap keberkesanan suatu bentuk kurikulum yang dibangunkan. DSKP Pendidikan Muzik Tingkatan Satu (2015) menyatakan bahawa “Pengajaran dan pembelajaran perlu dinilai keberkesanannya. Pencapaian murid dinilai untuk mengetahui kadar penerimaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran muzik yang diajar...” (ms.14).

1.6.4 *Enumpak*

Keseragaman corak irama dan keserasian (chemistry) antara pemain. (Temu bual: Mongintal, 2019 dan Totong, 2019)



1.6.4 *Ongontod*

Keharmonian bunyi yang dihasilkan. (Temu bual: Mongintal, 2019 dan Totong, 2019)

1.7 Skop Kajian

Skop kajian tertumpu kepada ensembel muzik *Mongigol - Sumundai* yang dimainkan oleh masyarakat Rungus yang mendiami kampung Parapat Darat dan kampung Indarasan Darat yang terletak di daerah kecil Matunggong-Kudat, Sabah sahaja. Oleh sebab itu, ensembel *Mongigol - Sumundai* di daerah lain yang didiami oleh suku kaum Rungus adalah tidak terlibat dalam kajian ini. Kedua-dua kampung ini dipilih atas dasar





cukup sinonim bunyi-bunyian ensembel ini, tambahan lagi masih mengamalkan budaya tradisi suku kaum Rungus. Selain itu, kandungan ensembel muzik hanyalah di peringkat asas dan pertengahan yang dikira sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar tingkatan satu hingga tiga sahaja.

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dibuat wajar memiliki nilai kesignifikannya yang tersendiri. Seperti mana kajian-kajian yang seumpamanya, kajian ini juga menyumbang kepada beberapa kemaslahatan yang dikategorikan kepada beberapa pihak seperti pelajar, guru dan pensyarah, sekolah dan universiti, penyelidik, Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum, dan Dasar Kebudayaan 1971. Kepentingan yang pertama iaitu pelajar, kajian ini akan memberikan pengetahuan dan kemahiran tentang ensembel muzik *Mongigol-Sumundai*. Kedua, kajian ini juga akan dapat menyediakan panduan dan rujukan bagi tujuan pengajaran ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* oleh guru dan pensyarah. Ketiga, pihak sekolah dan universiti boleh menawarkan kursus ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* berdasarkan pada kajian ini. Keempat, kajian ini juga dapat menyediakan panduan dan rujukan rasmi kepada penyelidik bagi menjalankan kajian berkaitan ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* di masa akan datang. Kelima, kajian ini juga penting untuk Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum dalam memasukkan ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* sebagai salah satu cadangan dalam bidang ensembel muzik. Keenam dan terakhir, kajian ini juga akan memenuhi kehendak Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang mana menitikberatkan tentang pelestarian budaya dan menguatkan asas-asas kebudayaan melalui pendidikan



1.9 Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini telah menyentuh tentang latar belakang kajian, konteks permasalahan kajian, objektif kajian yang dispesifikkan kepada umum dan khusus, persoalan kajian dan kerangka konseptual. Seterusnya, skop kajian juga telah dinyatakan secara terperinci yang difokuskan kepada dua lokasi (kampung) serta penjustifikasian pemilihan lokasi kajian. Beberapa definisi operasional telah digariskan bagi tujuan penjelasan agar konteks yang disampaikan dapat difahami dengan tuntas. Secara umumnya, kajian ini dijalankan bagi membangunkan satu standard kurikulum dan pentaksiran bagi ensembel muzik *Mongigol-Sumundai* untuk mata pelajaran muzik untuk menengah rendah di Malaysia. Segala permasalahan yang telah dihuraikan menjadi panduan dan justifikasi kajian ini dijalankan. Bab yang berikutnya berhubung kait dengan kajian literatur yang mana boleh menyampaikan prospek dan dimensi yang lebih jelas berkaitan kajian ini.